

ISU-ISU PENULISAN SKRIP: MASALAH YANG MEMERLUKAN PENYELESAIAN
(Issues in Script Writing: Solution-Needed Problems)

Mohd Daly Daud, Nursyamimi Harun, & Md. Rozalafri Johori
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Bidang penulisan skrip semakin berkembang selaras kemunculan stesen-stesen televisyen (TV) yang baru lantas menyuburkan lagi minat penulis-penulis untuk berkecimpung dalam dunia penulisan skrip. Namun, pelbagai isu masih mengganggu bidang kreatif ini lalu mengundang pelbagai polemik yang membelenggunya sehingga kini tanpa sebarang penyelesaian. Justeru, kajian ini cuba mengetengahkan semula isu-isu yang membelenggu penulis-penulis skrip tempatan dalam menghasilkan karya mereka dengan melakukan kajian secara kualitatif dengan kaedah temuramah secara mendalam dengan seorang informan yang telah berkecimpung dalam bidang ini lebih 30 tahun. Dapatan kajian yang dibincangkan dalam kertas kerja ini diharap dapat membongkar persoalan berkaitan penulisan skrip yang mana memberi manfaat kepada penulis skrip dalam mempersiapkan diri untuk menjadi seorang penulis yang baik. Diharap dengan pendedahan ini, penulis skrip seharusnya berupaya untuk menutup ruang yang membolehkan pihak lain mempertikaikan kredibiliti skrip yang dihasilkan.

Kata Kunci: Penulisan skrip; isu skrip; skrip TV

ABSTRACT

Script writing is flourishing in line with the emergence of new television (TV) stations that inculcate writers' interest to get involved in script writing. However, there have been issues which beset this creative field, thus inviting various polemics that continue to impede this field without solutions. Therefore, this study attempted to bring forth the issues that beset local script writers in producing their creative works through an in-depth interview with an informant who had been into scriptwriting for more than thirty (30) years. Hopefully, the findings of this study, discussed in this working paper, will address the issues on script writing. This will benefit script writers in preparing themselves towards becoming competent script writers. This discussion shall help script writers to bridge the gaps and able to enhance the credibility of the produced scripts.

Keywords: *Script writing; script issues; TV scripts*

PENDAHULUAN

Apabila kita berbicara mengenai karya, baik dari segi fiksiyen atau pun bukan fiksiyen, secara tidak langsung perhatian kita akan tertumpu kepada proses penulisan skrip. Skrip dianggap nadi kepada karya-karya penerbitan televisyen (TV). Kesempurnaan karya menggambarkan penulisan skrip yang sempurna. Segala apa yang dipersembahkan dalam skrip wajar dihadamkan dengan

baik oleh pengarah bagi mengelakkan penonton dilanda kebosanan dengan isi cerita yang disampaikan.

Bukan mudah untuk menulis skrip. Sebagai seorang penulis skrip, mereka perlu bijak meletakkan dirinya sebagai penyelidik yang mengkagumkan. Skrip yang ditulis perlu disokong dengan fakta penyelidikan agar penceritaannya mampu meyakinkan penonton. Penulis skrip juga perlu bertanggungjawab bagi memastikan setiap skrip yang dihasilkan benar-benar mampu menambat hati semua pihak sama ada stesen penyiaran, pihak penerbitan mahu pun penonton. Mereka juga harus ingat bahawa bidang ini mampu menjadi satu industri dan perkara ini tidak harus dipandang ringan.

Namun, bukan semua orang boleh menjadi penulis skrip meskipun mereka bergaul atau mempunyai hubungan dengan mereka yang terlibat dalam bidang pengarah, penerbitan rancangan-rancangan televisyen, filem dan video. Kajian yang dilakukan oleh Asiah Sarji et al., (1997) mendapati memang ramai penulis skrip di Malaysia yang berasal atau melalui proses ini sebelum menjadi penulis skrip. Malah pengalaman ini memenuhi tempoh lebih 50 tahun yang lalu. Pengalaman selalunya mengajar seseorang untuk menjadi penulis skrip termasuk Allahyarham P. Ramlee dan Badol.

Takrif dan konsep dalam penulisan skrip

Menurut Asiah Sarji (1997), takrif umum skrip ialah idea yang dikembangkan menjadi isu dan persoalan atau siri-siri kejadian yang saling berkaitan dan menyumbang. Isu dan siri-siri kejadian ini diadun secara sistematik bersama-sama unsur-unsur seni dan teknikal yang lain bagi memenuhi matlamat satu-satu keperluan yang dicetuskan, dirangka dan diputuskan dari idea. Arthur Asa Berger (1990) pula mentakrifkan skrip sebagai *blue print* atau rangka yang menafsirkan reka bentuk visual dan audio dalam sesuatu persembahan cerita.

Penulisan skrip pula adalah satu proses. Proses di sini bermaksud aktiviti yang perlu dilalui oleh seseorang penulis skrip sehingga sesebuah skrip itu siap dipersembahkan atau diserahkan kepada mana-mana pihak. Selagi ada kerja-kerja pembetulan yang dibuat, kerja-kerja penulisan belum tamat, ia dianggap sebagai proses menamatkan penulisan. (Asiah Sarji, 1997). Sebelum memulakan sesuatu penerbitan, seseorang pengarah atau penerbit memerlukan arahan atau skrip yang menerangkan secara terperinci mengenai sesuatu bahan yang diperlukan dan individu yang terbabit dalam proses penerbitan itu. Dengan adanya skrip, ia secara tidak langsung membolehkan penulisnya menyusun sesuatu jalan cerita dengan lebih teratur dan membolehkan penerbit, pengarah dan krew penerbitan mempertimbangkan aspek-aspek berikut; (i) sudut kamera, (ii) audio, (iii) kesan khas dan (iv) masa.

Justeru, apabila tiba masa untuk penggambaran atau proses penyuntingan, penerbit atau pengarah boleh terus memberi tumpuan kepada kualiti syot yang diambil daripada menghabiskan masa memikirkan tentang perincian dalam penerbitan. Skrip juga membolehkan produksi berada dalam keadaan yang lebih terkawal dan teratur. Menurut Zaini Kosnin (2009) konsep adalah Garis Cerita. Ada juga orang menyebutnya *Storyline Concept*. Ia adalah satu garisan yang digunakan untuk menentukan sesebuah cerita. Biasanya, ia mesti mempunyai pengenalan, isi dan penutup. Jelas di sini bahawa struktur penceritaan amat penting bagi memastikan skrip yang dihasilkan tidak bercelaru. Ini kerana, skrip yang baik dan ditulis dengan jelas mampu berkomunikasi dengan penulis dan juga penonton. Skrip juga seharusnya menyediakan peluang yang cukup kepada pembaca untuk membayangkan segala kemungkinan yang berlaku.

Paling penting sekali, sebagai seorang penulis skrip, kita perlu memahami bahawa kita menulis untuk divisualkan. Bukan untuk menulis cerita untuk dibaca. Oleh yang demikian, bayangan visual di dalam fikiran kita amat penting ketika menulis dan apa yang penting, kita tahu bahawa gambaran itu, boleh divisualkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan melalui temubual secara mendalam dengan informan iaitu seorang penulis skrip yang juga seorang penerbit yang mempunyai pengalaman menerbitkan rancangan-rancangan di RTM dan TV3. Beliau telah mempunyai pengalaman selama 30 tahun dalam bidang ini dan turut menjadi tenaga pengajar sambil dalam bidang penerbitan video dan penulisan skrip di Fakulti Pengajian Media, Fakulti Seni Persembahan Universiti Teknologi MARA(UiTM), Filem dan TV di Kolej Universiti Lim Kok Wing, Akademi Seni Kebangsaan, Universiti Multi Media (MMU), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kolej Yayasan Melaka (KYM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Institut Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR). Informan turut terbabit dalam mengendalikan pelbagai kursus lanjutan penerbitan program TV di kalangan penggiat industri penyiaran di peringkat Asia Pasifik. Temubual dengan informan dijalankan secara interpersonal dan dilakukan selama 1 jam. Pemilihan informan pula adalah secara bertujuan kerana kajian ini memerlukan maklumat secara khusus tentang permasalahan penulisan skrip di Malaysia. Soalan-soalan temubual dikemukakan secara tidak berstruktur supaya temubual dapat dilakukan dengan santai dan jawapan dapat diterima dengan mendalam secara semulajadi dan efektif. Cara ini juga mudah untuk meneroka maklumat baru kerana ia kurang kawalan dan bersifat anjal yang memudahkan informan memberitahu isu-isu yang membelenggu bidang penulisan skrip ini.

Keseluruhan audio sesi temubual dirakam dan kemudian ditranskripkan perkataan demi perkataan bagi mendapatkan data yang lebih tepat dan terperinci untuk di analisis. Semua transkrip yang telah disemak melalui proses pengkodan secara deduktif iaitu dengan membaca teks, kemudian memberi kod kepada teks sehingga mendapat tema yang tepat. Proses pengkodan telah dijalankan sehingga membentuk tema-tema yang mewakili konstruk-konstruk kategori yang mewakili isu-isu dalam penulisan skrip di Malaysia.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah dianalisis, skrip yang baik dan ditulis dengan jelas mampu berkomunikasi dengan penulis dan juga penonton. Skrip juga seharusnya menyediakan peluang yang cukup kepada pembaca untuk membayangkan segala kemungkinan yang berlaku. Melalui kaedah transkulasi dengan pemerhatian dan sorotan literatur disenaraikan juga isu-isu penulisan skrip yang tidak disentuh oleh informan. Oleh itu, antara isu-isu yang telah dikenalpasti;

Penulis Skrip Kurang Membuat Penyelidikan

Negara kita masih lagi kekurangan skrip yang berkualiti. Ini diakui sendiri oleh penulis berpengalaman Martias Ali apabila menyatakan bahawa kita sebenarnya memang ketandusan dari aspek cabang cerita yang ingin dikembangkan. Ramai penonton memberikan komen negatif pada skrip drama atau filem tempatan. Penonton berhak bersuara tetapi apakah penonton ini dapat berikan idea yang lebih bagus. Selalunya skrip kurang kualiti kerana kurang penyelidikan

dibuat oleh penulis skrip. Idea yang ada hanya luaran tanpa mengetahui masalah dan perasaan dalaman pada watak utama itu sendiri. Seperti cerita posmen, ia lebih meyakinkan jika posmen yang berkongsi idea. Begitu juga, nelayan mempunyai banyak pengalaman sendiri yang mungkin kisahnya dapat menarik perhatian penonton (Harian Metro: 18 Oktober, 2011).

Hakikat ini juga bukan sahaja berlaku pada skrip karya fiksyen, skrip bukan fiksyen turut mengalami masalah yang sama. Masalah kurang kajian atau penyelidikan terhadap sesuatu topik yang cuba ditonjolkan penulis skrip adalah sesuatu yang serius. Penulis skrip tidak boleh membuat kesimpulan berdasarkan pengamatannya sahaja. Mereka perlu mendepani masalah ini dengan mengalaminya sendiri. Inilah pentingnya penyelidikan. Malangnya tidak ramai penulis skrip hari ini yang turun ke lapangan membuat penyelidikan berkaitan topik yang ditulis. Duduk di hadapan komputer melayari *internet* dengan membuat tinjauan di lokasi adalah dua perkara berbeza. Fakta yang terdapat di *internet* mungkin tidak dikemas kini. Jika turun ke lokasi, penulis skrip pastinya dapat menghayati fakta serta merasai pengalaman dan suasana sebenar subjek yang dijadikan bahan penceritaan. Dalam temubual bersama informan, beliau menyatakan, “Lemahnya program fiksyen dan bukan fiksyen di negara kita adalah kerana kurangnya penyelidikan. Bagi diri saya sekali saya berkarya, kena bagi yang berkualitilah, tidak boleh berkarya seadanya, dia tak boleh ada terma oklah aku buatlah, itu tak boleh.”

Kajian Asiah Sarji et al., (1996) menyatakan hampir separuh daripada penulis skrip di negara ini menyatakan penyelidikan tidak perlu dan mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk membuat penyelidikan bagi menyiapkan skrip. Separuh lagi yang membuat penyelidikan mengakui penyelidikan dibuat jika keadaan memerlukan, namun tidak begitu mendalam dan tidak seteliti seperti diharapkan kerana kesuntukan masa.

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa penulis skrip di negara ini masih ketandusan atau masih lagi mencari-cari idea dalam menyiapkan skrip untuk persembahan di media elektronik. Bagaimana ingin mendapat naskhah skrip yang berkualiti jika proses awal penulisan skrip ini diabaikan? Tiada gunanya untuk kita cuba berfikir atau menggambarkan secara visual (*think visually*) jika ideanya masih tidak jelas atau kabur. Informan turut menyatakan padangannya berhubung perkara ini, “Seorang penulis skrip, dia perlu ada kemahiran menghuraikan visual. Bila pelajar masuk universiti, mereka diajar untuk menghuraikan visual, mereka perlu tahu jenis-jenis shot, shot ini bagaimana, pergerakan kamera, dia punya *instruction* untuk memasukkan *effect, fade in lagu, fade up music background* mereka perlu tahu. Jadi, bila dia buat skrip tu, dia boleh baca apa yg pengarah nak. Bila dia boleh baca apa pengarah nak, dia boleh *visualize* di kepala dia dalam bentuk lakon layar maka maka 80% - 90% matlamat filem tu atau program TV akan tercapai.”

Penguasaan Bahasa yang Lemah

Dari sudut penguasaan bahasa pula, Musa et. al., (2010) menyatakan bahasa yang dituturkan lambang budaya yang kita miliki. Budaya itu simbol falsafah dan pemikiran masyarakat. Oleh itu, kesinambungan budaya tradisi dapat dilanjutkan jika TV menyajikan rencanan berasaskan Bahasa Melayu. Falsafah sesuatu bangsa akan terserlah dari cara mereka berbahasa. Dalam konteks ini, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara wajar mendapat tempat dalam penyiaran rancangan TV.

Namun realitinya hari ini, bahasa yang digunakan dalam skrip sering menerima kritikan masyarakat. Penggunaan bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris jelas

memualkan. Namun, ia terus mendapat tempat dalam karya fiksi tempatan kerana ia dianggap *trend* hari ini dalam berkomunikasi sama ada formal mahupun tidak formal.

Dato' Adilah Shek Omar, Pengarah Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) berkata tidak ada komitmen terhadap bahasa Melayu oleh mereka yang sepatunya memartabatkannya. Beliau berkata masih banyak kesilapan tatabahasa dan ejaan di dalam media cetak dan penyiaran. Ini tidak sepatutnya berlaku kerana Bahasa Melayu mudah untuk dipelajari dan di fahami. Beliau berkata masyarakat juga kerap kali menggunakan bahasa rojak bukan saja dalam pertuturan seharian tetapi juga dalam acara rasmi. Ini kerana terdapat warga media yang berpendapat bahawa bahasa adalah hanya untuk menyampaikan sesuatu mesej, asalkan dapat difahami sudah cukup (Laman Web Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011).

Hal ini pernah dibangkitkan oleh Senator Datuk Rizuan Abd. Hamid di Dewan Negara ketika itu. Senator Datuk Rizuan Abd. Hamid berkata, usaha mendaulatkan bahasa Melayu akan gagal jika penggunaan bahasa rojak dibenarkan terutamanya yang bercampur-aduk dengan perkataan Inggeris. "Dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kita guna bahasa Inggeris yang dimelayukan. Yang menyebut dianggap bertaraf tinggi, yang dengar pula kadang-kadang tak faham pun," katanya. Beliau yang membahaskan usul RMK-9 di Persidangan Dewan Negara berkata, media juga perlu memainkan peranan dalam mengurangkan penggunaan bahasa rojak dan menyedarkan masyarakat pentingnya penggunaan bahasa Melayu yang betul. Senator Dr. Mohd Puad Zarkashi yang bersetuju dengan Rizuan berkata, isu bahasa rojak telah banyak dibualkan tetapi seolah-olah tiada pendekatan untuk menyekatnya. "Contohnya dalam drama televisyen, bahasa yang digunakan bercampur-aduk, kadang-kadang tak seronok apabila kita tonton dan meluat" (Laman Web Rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009).

Isu "bahasa rojak" ini turut mendapat perhatian pencinta bahasa. Bahasa rojak menjadi satu tanda baharu bagi kewujudan fenomena Bahasa kacukan (Awang Sariyan, 2006). Sesetengah orang berpendapat, fenomena bahasa rojak atau bahasa yang bercampur aduk tidak lebih daripada bersifat fesyen semasa semata-mata. Isu tersebut telah menjadi isu yang hangat diperkatakan. Selain isu nasib bahasa Melayu yang semakin terpinggir atau tidak diberikan keutamaan pada tempat dan haknya yang wajar, Awang Sariyan juga melihat gejala bahasa rojak dan kata serapan. Pada masa sekarang, bahasa Melayu telah menerima sekian banyak istilah dan kata daripada bahasa Barat, terutamanya daripada bahasa Inggeris. Menurutnya, tidak ada salahnya kita mengambil kata daripada bahasa asing untuk tujuan memperkaya ilmu, kebudayaan dan pemikiran bangsa, namun, pengaruh bahasa asing itu tentulah perlu diserap dan diambil secara sistematik dan sedapatnya ditapis melalui sistem bahasa Melayu (Mohamad Azlan Mis, 2011).

Informan turut menentang penggunaan dialog drama yang mencampur adukkan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, "Walaupun kita ingin menyatakan itulah norma biasa masyarakat di ibu kota yang bercakap orang putih bercampur-campur tapi kita kena lihat juga apa matlamat asal media elektronik apabila menghasilkan program-program drama yang bukan fiksi yang macam tu dia mesti bertanggungjawab. Percampuran antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris itu sangat jelas dalam drama-drama yang diterbitkan oleh TV swasta. Saya bercakap tentang TV3, malah ASTRO pun begitu. Contoh dialog: "I think, I will decide later. Eh you, macam mana pandangan you?". Inilah perkara yang pada saya suatu suasana yang tidak sihat. Tak boleh la. Malah, Dewan Bahasa dan Pustaka apabila melihat ada stesen TV yang hasil drama-drama sebegini, dia seharusnya membantah dan dia seharusnya memberi surat amaran kepada stesen TV tersebut, sebab Dewan Bahasa merupakan satu agensi yang harus memartabatkan bahasa."

Justeru, bagaimana kita ingin mengangkat martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan jika karyawan kita sendiri menganak tirikannya. Slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa' wajar menjadi santapan jika kita benar-benar berhasrat untuk mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini. Tiada gunanya slogan tersebut jika ia tidak dihayati. Peranan ini terletak bukan sahaja di bahu penulis skrip malah turut mencakupi semua lapisan masyarakat di negara ini.

Tiada Jati Diri

Media elektronik seperti TV merupakan antara agen sosialisasi yang penting (Leavy & Trier-Bieniek, 2014) dalam membantu pembentukan identiti bangsa yang merupakan cabaran masa kini dan akan datang (Bolong, 1998). Kepesatan teknologi komunikasi baru memungkinkan pembentukan budaya bangsa terjejas, malah kewujudannya yang tidak dapat disekat itu membolehkan imperialisme budaya berlaku. Imperialisme budaya dapat dikaitkan dengan kandungan program yang disiarkan melalui televisyen (Bolong, 1998). Drama rantaian Barat yang terkenal pada tahun 1990-an seperti *21 Jump Street* dan *L.A. Laws* telah dikritik kerana isi kandungannya yang memaparkan unsur seks dan homoseksualiti secara terang-terangan. Kebimbangan dan kekhuatiran terhadap kesan daripada program televisyen Barat, terutamanya drama rantaian, menyebabkan pihak kerajaan pada era 1980-an dan 1990-an menggalakkan usaha penerbitan rancangan televisyen tempatan yang merangkumi drama rantaian, dokumentari, dan pertandingan muzik untuk menangkis pengaruh Barat (Karthigesu, 1994). Malangnya, jalan cerita yang klise dan pendekatan yang digunakan gagal menarik perhatian penonton tempatan dan sekaligus membuatkan penonton terus menonton drama rantaian dari barat.

Di Malaysia, bidang perfileman ataupun drama berhadapan dengan masalah besar ekoran tidak mempunyai jatidiri kerana lebih meluaskan pengaruh budaya luar terutama dari barat. Sebahagian besar para penerbit tempatan pula gemar mengangkat imej filem atau drama yang negatif serta tidak menguntungkan agama, bangsa dan negara. Kebanyakan drama atau filem Malaysia dihasilkan mengikut kemahuan penerbit bukan Melayu yang lebih mementingkan keuntungan. Kesannya, karya-karya ini tidak menaikkan imej Melayu, menyebarkan nilai Islam, menguatkan iman serta merapatkan perpaduan Melayu dan ummah (Ummu Hani Abu Hassan, 2011).

Mansor Puteh (2009) dalam kajiannya mengatakan bahawa pada dekad 1970-an, pihak stesen televisyen swasta dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) ghairah menyiarkan karya yang dipengaruhi nilai Hong Kong. Hal ini menggalakkan ramai orang yang tidak berkelayakan untuk mejadi pengarah, penulis skrip dan penerbit. Manakala kebanyakan pengkarya Melayu pula adalah ahli perniagaan menjadikan banyak drama yang disiarkan di televisyen tidak berkualiti. Kini, keghairahan stesen televisyen adalah memaparkan drama yang berbentuk hiburan dan fantasi. Penolakan kehadiran pakar yang terdidik dalam bidang ini oleh FINAS, RTM dan kerajaan menyebabkan elemen positif tidak dapat diresapkan ke dalam industri filem dan drama televisyen. Malahan, drama dakwah ada yang memaparkan imej lelaki Melayu yang berjubah sebagai perogol atau perkara lain yang mencemarkan Islam.

Jati diri dapat didefinisikan sebagai sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan sebagainya, atau disebut jua identiti (Kamus Dewan, 2007).

Informan turut melahirkan kekesalannya apabila dihadapkan dengan isu jati diri ini, "Saya pernah komen FINAS fasal dua atau tiga dokumentari yang buat cerita pasal orang Islam,

orang Melayu tetapi ciri-ciri keislaman itu, ciri-ciri kemelayuan itu tidak dijadikan elemen yang dominan dalam penceritaan *talent*. Contohnya, ada satu *treatment* yang mencadangkan babak pertama satu keluarga orang Islam di Sabah di Kota Belud, pergi ke kubur dan membaca Yassin sebab adat orang Bajau di Kota Belud sentiasa mengingati nenek moyang dan mereka akan sentiasa ke kubur untuk berdoa dan membaca Yassin, tetapi babak tersebut ditolak oleh konsultan yang bukan orang Melayu orang Islam ke belakang, dia kata *no, that's not an important scene*. So berlakulah sedikit pergelutan idea di situ, jadi kalau FINAS tidak peka pada perkara ini, saya rasa jati diri akan hilang sebab *the purpose of* dokumentari yang diterbitkan dari FINAS ialah untuk mengangkat budaya-budaya Melayu sebab nama pun FINAS.”

Selain daripada itu, drama tempatan sering memaparkan cara hidup barat berbanding cara hidup masyarakat tempatan. Ini menjadikan drama tempatan tidak mempunyai kelainan atau keunikan yang tersendiri yang mampu menandingi drama terbitan luar. Perkara ini dapat dilihat dengan kejayaan drama Korea yang mana menitikberatkan nilai-nilai jati diri dan kekeluargaan dalam setiap drama. Nor Hashimah dan Zaharani (2011) dalam kajian bertajuk *Hallyu Di Malaysia: Kajian Sosiobudaya* menyatakan bahawa jati diri dan kebudayaan kebangsaan tetap menjadi faktor penarik utama dalam usaha mengkomoditikan budaya. Penggunaan bahasa Korea sepenuhnya tidak menjadi penghalang untuk menembusi pasaran antarabangsa, jalan cerita, tema dan nilai positif yang ditonjolkan adalah jauh lebih penting.

Latiffah et. al (2009) mengatakan yang tema, plot, jalan cerita dan mutu lakonan yang akan menjadi tarikan utama para remaja untuk menonton sesebuah cerita. Masyarakat antarabangsa akan menilai sesuatu yang lain daripada yang mereka miliki dan mempunyai jati diri bangsa tersebut sebagai daya penarik. Masyarakat Jepun yang pernah menjajah Korea sendiri tertarik dengan drama Korea kerana mereka berpendapat terdapat nilai kekeluargaan, kemanusiaan dalam drama Korea. Nilai-nilai ini telah lama hilang dalam drama Jepun dan Cina. Drama Jepun lebih banyak menayangkan drama jenayah, seks, robot dan kerakusan perniagaan serta individualistik. Tetapi drama Korea adalah sebaliknya (Shim, 2006).

Menurut Hatta Azad Khan (2012), pembuat filem sepatutnya menggalas tanggungjawab sosial untuk meningkatkan pemikiran audiens melalui karya. Filem harus mewakili bangsa negara dan peningkatannya perlu seiring dengan peningkatan hidup manusia. Malangnya, kebanyakan produser lebih mementingkan filem yang menghiburkan dan memberi keuntungan berlipat ganda. Perancangan menyeluruh dilakukan demi meningkatkan kualiti filem Malaysia. Penggiat perlu jujur tidak hanya bercakap tetapi tidak melaksanakannya, semua pihak perlu memainkan peranan (Siti Nursyahidah, 2012). Informan turut menegaskan bahawa *content provider* tidak mempunyai sensitiviti atau kesedaran untuk memartabatkan nilai-nilai kemelayuan, agama dan sebagainya yang menyebabkan semangat jati diri itu hilang. Penerbit hari ini lebih gemar menerbitkan rancangan berbentuk santai berbanding isu-isu berat seperti agama, jati diri dan sebagainya.

Malaysia merupakan sebuah negara yang menarik dengan kepelbagaian yang unik. Penulis skrip seharusnya menjadikan keunikan ini sebagai satu kelebihan dalam penghasilan skrip yang bermutu dan menarik. Negara-negara seperti Iran, Thailand dan lain-lain mampu menghasilkan sebuah karya yang bermutu malah sering memenangi anugerah diperingkat antarabangsa, kekurangan dana mahupun peralatan tidak menjadi penghalang kepada penghasilan sebuah karya yang bermutu. Pokoknya apa yang hendak ditonjolkan mestilah mempunyai keunikan, identiti dan jati diri yang membezakan produk tempatan dengan yang lain.

Bayaran Diterima Rendah

Selain itu, faktor pembayaran skrip dengan harga yang rendah juga antara penyebab skrip yang ditulis tidak berkualiti. Bayaran yang diterima oleh penulis skrip hari ini juga amat rendah dan tidak setimpal dengan usaha yang telah dicurahkan. Industri penerbitan drama televisyen tempatan tidak mampu menghasilkan drama yang berkualiti disebabkan pembayaran program yang masih tidak berubah sejak 17 tahun yang lepas (Latif, 2012).

Katanya, selain bayaran yang terlalu murah, monopoli yang ditunjukkan oleh stesen televisyen tempatan juga amat teruk ketika ini. Media Prima misalnya telah memonopoli empat buah stesen televisyen di bawahnya. Bayaran yang diberikan kepada hasil seni kita teramat mendukacitakan tetapi penggiat seni tiada pilihan untuk menjual hasil produk mereka. Bayangkan Media Prima sahaja ada empat stesen televisyen dan semua menetapkan harga yang sama dan murah. Macam mana kami semua nak hidup? (Utusan Malaysia: 23 September, 2012).

Informan turut melahirkan kekesalannya apabila dihadapkan dengan isu pembayaran skrip ini, “Masalahnya sekarang, siapa yang memperjuangkan duit (bayaran) untuk penulis skrip? Adakah kerajaan? Tidak. Adakah persatuan? Tidak konsisten. Siapa lagi? Ada penulis skrip yang cuba untuk memperjuangkannya, yang cuba bertegang urat untuk mempertahankan *rate* dia, okay *byebyelah*. *Producer* kata *byebyelah* sebab saya masih ada ramai lagi penulis skrip yang berminat nak menulis skrip untuk drama saya. *Take it or leave it*. Ini adalah tanda-tanda kemusnahan kepada karya berkualitilah.”

Skrip Terlalu Sarat

Dalam penghasilan skrip dokumentari pula, skrip yang ditulis penulis skrip tempatan didapati begitu padat dan sarat dengan kata-kata. Asiah Sarji et.al., (2009) menyatakan secara umumnya karya filem dokumentari tempatan menggunakan terlalu banyak kata-kata sehingga pergerakannya didapati berlumba-lumba dengan pergerakan visual. Satu kelemahan yang lama bertapak di Malaysia. Selain itu, pemilihan kata dan istilah masih belum cukup dilakukan secara lebih kreatif dalam mana sesuatu kata yang dipilih sepatutnya mempunyai kemampuan menjelaskan makna yang melampaui kepentingan audio dan visual yang dipapar. Kata-kata yang dipilih perlu mampu melambangkan makna yang melampaui makna visual.

Informan turut menyatakan bahawa, ada penulis skrip tempatan yang salah faham terhadap perkara ini. Asalkan ia fakta, maka ia akan dimasukkan semuanya ke dalam skrip tersebut dan menjadikan kandungan sesuatu skrip itu padat dan tidak menghiburkan. Jika dirujuk kepada dokumentari luar seperti National Geographic dan Discovery Channel misalnya, penulis skrip mereka menekankan fakta dan bagaimana skrip itu dimainkan untuk menterjemahkan visual.

Bakat Baru yang Tidak Terlatih

Dengan bertambahnya saluran televisyen di negara ini, secara tidak langsung membawa perubahan besar kepada permintaan skrip untuk rancangan baru yang diterbitkan. Ia bagi mengisi ruangan slot yang diperuntukkan untuk sesuatu rancangan. Tidak kurang juga ia dijadikan medan untuk melahirkan bakat-bakat baru dan membawa pemikiran-pemikiran baru dalam bidang penulisan skrip. Namun kehadiran penulis-penulis baru ini mengundang kritikan apabila hasil

karya mereka dipertikaikan dan idea yang dizahirkan dikatakan dangkal dan tidak memberangsangkan.

Antara masalah yang dihadapi oleh kebanyakan penulis skrip dan hasil penulisan mereka adalah seperti berikut; (1) Skrip dan cerita sangat stereotaip, (2) Perkembangan watak lemah dan terpusat, (3) Suka meletak-letakkan sub-plot di dalam cerita yang menyebabkan tidak terdapatnya kesinambungan, (4) Dialog yang terbentuk tidak sesuai dengan perwatakan, hambar dan tidak kemas, (5) Lemah dalam membuat *plotting* cerita sehingga menjadikannya meleret-leret (*dragging*) dan sering berlaku plot menyeleweng dari jalan cerita asal, (6) Kerap berlaku sesuatu perkara/isu yang berulang-ulang menyebabkan cerita tidak berkembang dengan licin, (7) Ada kalanya cerita tidak logic (Asiah et. al., 1997).

Penulis skrip berpengalaman selama 20 tahun, Martias Mohd Ali, berkata kehadiran ramai penulis skrip baru sama seperti penulis blog memberikan perkembangan positif pada penghasilan karya tempatan tetapi ia dibimbangi hasilnya menjadi sampah. “Kehadiran mereka diperlukan kerana wujud permintaan stesen TV tetapi apakah kriteria mereka sehingga mudah diistilah penulis skrip. Ada kalangan mereka mengaku penulis skrip selepas karya dihasilkan disiarkan di TV atau layar perak. Namun, realiti mereka tidak mahu belajar cara menulis skrip dengan betul. Mereka juga tidak mahu mengikuti kursus kerana beranggapan tawaran skrip baru sudah ada dalam tangan,” katanya (Harian Metro: 21 Julai, 2012).

Justeru, tidak hairanlah jika rancangan-ancangan yang disajikan di televisyen kurang mendapat sambutan kerana jalan penceritaan sendiri didapati yang kurang menarik perhatian penonton. Tidak dinafikan bahawa semua bidang memerlukan latihan dan bimbingan daripada mereka yang lebih berpengetahuan dan berpengalaman. Begitu juga halnya dengan penulis skrip tempatan. Mereka didapati kurang pendedahan dari segi latihan dan bimbingan daripada mereka yang terlatih dalam bidang ini. Malah ramai dalam kalangan mereka yang tidak mengikut format skrip yang betul ketika menulis skrip. Hasilnya, skrip yang dizahirkan tidak mencapai standard sebagaimana yang dikehendaki. Yang menjadi sasaran kritikan awal pastinya penulis skrip itu sendiri.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh FINAS dan Persatuan Penulis Skrin Malaysia (SWAM), namun kualiti penghasilan skrip masih di tahap yang rendah. Menurut Ummu Hani Abu Hassan (2011) berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh Persatuan Penulis Skrin Malaysia (SWAM), industri drama televisyen Malaysia menghadapi masalah mendapatkan skrip yang berkualiti. Kelemahan skrip juga adalah pada dialog yang dipertuturkan oleh pelakon. Presiden SWAM, Ahmad Ismail (2009) mengatakan drama tempatan dinilai cetek dan tidak lagi mementingkan aspek bahasa sastera yang indah. Ini memberi kesan untuk melebarkan drama tempatan ke luar negara. Menurut beliau lagi, ramai penulis skrip bebas yang tidak mengikut format skrip yang betul. Masalah pembayaran penerbit kepada penulis skrip juga masih belum dapat diatasi.

Penulis Skrip Kurang Membaca

Disamping itu, penulis skrip fiksyen juga dikatakan kurang membaca. Kajian yang dilakukan oleh Asiah Sarji et al., (1999) mendedahkan dalam rumusannya bahawa tahap pendedahan kepada pembacaan serius dan novel yang bermutu sama ada berkaitan dengan filem atau tidak adalah rendah. FINAS dengan kerjasama persatuan-persatuan filem perlu merangka satu usaha untuk menyediakan kemudahan yang memberangsangkan dan yang lebih menarik untuk menggalakkan aktiviti pembacaan di kalangan karyawan filem.

KESIMPULAN

Negara kita memerlukan ramai penulis skrip berbakat untuk menceritakan gedung khazanah bangsa yang hanya baru sedikit dirungkaikan. Ia merupakan tanggungjawab besar yang harus dipikul oleh semua pihak termasuk universiti, agensi-agensi berkaitan dan tidak terkecuali persatuan-persatuan yang memperjuangkan hak penulis skrip.

Berdasarkan kepada isu-isu yang diutarakan di atas, maka jalan penyelesaian terhadapnya perlu dicari bagi meningkatkan kembali kualiti penulisan skrip di negara ini. Tiada jalan pintas untuk mengatasinya melainkan terpaksa bermula di peringkat awal lagi.

Penulis skrip yang berjaya adalah penulis skrip yang banyak membaca. Seorang penulis skrip yang baik haruslah menanamkan sifat suka membaca bagi memperkayakan lagi pengetahuannya dalam apa jua bidang yang ditulisnya. Setiap penulis juga perlu rajin membuat penyelidikan berkaitan subjek yang ingin ditulis disamping turut membuat tinjauan lokasi (*reccee*) bagi memastikan fakta berkaitan subjek adalah benar. Perkara ini harus diberi perhatian oleh semua penulis kerana tanpa fakta yang lengkap, skrip yang ditulis akan hambar.

Penulis skrip juga perlu mendapat latihan dan bimbingan yang betul dalam penulisan skrip. Format penulisan skrip harus diselaraskan agar ia tidak mengelirukan penulis skrip. Lain guru, lain pula caranya. Justeru, tenaga pengajar seharusnya mencari titik pertemuan bagi memudahkan sesi bimbingan atau pengajaran kepada penulis skrip ini. Jika ia mampu dilakukan, tidak mustahil negara kita akan mempunyai format penulisan skrip yang seragam hasil gabungan idea tenaga-tenaga pengajar yang berpengalaman.

Penganjuran bengkel-bengkel penulisan skrip yang perlu kerap diadakan memandangkan bidang ini memerlukan kepakaran yang khusus bagi melahirkan penulis skrip yang berkualiti. Selain daripada itu, penulis skrip juga disarankan untuk mendapatkan bimbingan daripada guru bahasa berhubung penggunaan bahasa yang betul dalam tulisan mereka. Di sini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) wajar memainkan peranan dalam memberi tunjuk ajar kepada penulis skrip cara penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam penulisan dan penyampaian. Sudah tiba masanya DBP memberi perhatian sewajarnya terhadap isu penyalahgunaan bahasa di media siaran ini jika tidak mahu isu berkaitan bahasa terus menjadi bualan umum.

Bagi memperkasakan jati diri bangsa, maka disarankan agar pihak kerajaan melalui agensinya seperti Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Dewan Bahasa dan Pustaka dan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) memperbanyakkan pertandingan penulisan skrip berunsur sejarah dan kenegaraan bagi membentuk kembali jati diri bangsa yang teruk tercalar akibat peniruan budaya dan penyiaran rancangan import ini. Masyarakat Malaysia merupakan masyarakat yang berpegang teguh kepada budaya dan adat resam tradisi, maka sewajarnya rancangan-rancangan tempatan yang sarat dengan kesopanan budaya timur menjadi tontonan rakyatnya.

Terdapat sebilangan penulis skrip yang mengeluh kerana bayaran yang diterima sebagai penulis skrip tidak setimpal dengan usaha yang mereka curahkan. Justeru, satu jalan penyelesaian harus dirancang bagi mengembalikan semula hak penulis skrip ini. Dicadangkan, satu kadar bayaran yang seragam perlu diwujudkan bagi menangani permasalahan ini. Semua pihak, baik dari stesen penyiaran mahu pun penerbit dan wakil penulis skrip perlu duduk semeja bagi membincangkan masalah ini dan seterusnya mengeluarkan garis panduan pembayaran standard bagi semua kategori penulisan skrip yang terdapat di negara ini. Langkah ini dirasakan mampu mengatasi masalah yang membelenggu nasib sebilangan penulis skrip di negara ini.

Disamping itu, penulis skrip sedia ada, perlu saling bantu membantu disamping saling hormat menghormati di antara satu sama lain bagi merealisasikan hasrat murni ini. Memetik coretan Mansor Ahmad Saman (1995:11)

“Penulis, pada hakikatnya ialah seorang “guru”, seorang tukang cerita yang ingin menyampaikan maklumat, keterangan, pengetahuan dan pengajaran kepada pembacanya. Dan sebagai guru yang baik, dia haruslah mengambil iktibar dari pengalaman pensejarahan dan tamadun manusia dan menyampaikan penulisannya dalam bentuk cerita yang menarik dan memukau.”

Tepuk dada, tanyalah selera...

RUJUKAN

- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, & Mazni Buyung. (1997). *Keadaan dan Permasalahan Penulis dan Penulisan Skrip*. Kuala Lumpur: Finas.
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, & Mazni Buyung. (1999). *Pola Pengamalan Profesionalisme Dalam Industri Filem Malaysia*. Kuala Lumpur: Finas.
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, & Shamsubaridah Ramlee. (2009). *Industri Dokumentari di Malaysia: Isu dan Hala Tuju*. Kuala Lumpur: Finas.
- Bolong, J. B. (1998). *Perubahan Kognitif Dan Tingkat Interaksi Penonton Dengan Drama Melayu Di Televisyen: Analisis Drama 'Juta Wan Segera'*. Selangor: UPM.
- Kamal Halili Hassan. (1990). *Penulis dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karthigesu, R. (1994). *Sejarah Perkembangan Televisyen Di Malaysia (1963-1983)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Latiffah Pawanteh, Samsudin A. Rahim, & Fauziah Ahmad. (2009). Media Consumption Among Young Adults: A Look At Labels And Norms In Everyday Life. *Malaysian Journal of Communication*, Vol 25: 21-31
- Leavy, P., & Trier-Bieniek, A. (2014). Introduction To Gender & Pop Culture. In P. Leavy, & A. Trier-Bieniek, *Gender & Pop Culture* (Pp. 1-25). Netherlands: Sensepublishers.
- Mansor Ahmad Saman. (1995). *Penulisan dan Media: Satu Kumpulan Rencana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Puteh. (2009). *Filem Melayu Dilema Dua Era*. Dewan Budaya, Mac 2009, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musa Abu Hassan, Narimah Ismail, & Jusang Bolong. (2010). *Kesinambungan Budaya Melalui Televisyen: Antara Khayalan dan Kenyataan. Cabaran Komunikasi Masa Kini* (2010) Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Ummu Hani Abu Hassan. (2011). *Drama Dakwah di Malaysia: Kajian Tentang Proses Penulisan Skrip*. (Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).
- <http://www.ukm.my/news/index.php/ms/component/content/article/712-the-use-of-national-language-should-be-paramount.html> Retrieved: April 28, 2014
- <http://dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=articles&ArticleID=798>: kemaskini 21Jan 2009 Retrieved : 30 April, 2014

- Mohamad Azlan Mis. (2011). Bahasa Rojak Dalam Kalangan Penduduk Di Sarawak
<http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/?p=987> Retrieved: 20 April, 2014.
- Abu Bakar, S. N. (2012). Filem: Antara kualiti dan kuantiti, mana lebih utama? Retrieved May 1, 2014, from Sinar Harian: <http://www.sinarharian.com.my/hiburan/filem-antara-kualiti-dan-kuantiti-mana-lebih-utama-1.70407>
- Atak, F. H. (2012). Produser Merungut, Stesen TV Masih Bayar Ciput. Retrieved: Januari 5, 2013, From Hiburan: <http://www.utusan.com.my>
- Elrafaei Sapi (2011) INTERAKSI: Idea baru penulisan skrip berkualiti Retrieved: April 23, 2014 from
Harian Metro: [http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/INTERAKSI_Ideabarupenulisanskripberku
aliti//Article/article_print](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/INTERAKSI_Ideabarupenulisanskripberku
aliti//Article/article_print) Retrieved: Mei 1, 2014.
- Elrafaei Sapi (2012) Komersial, logik atau sampah Retrieved: April 23, 2014 from Harian
Metro: [http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Komersial_logikatausampah//Article/index
html](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Komersial_logikatausampah//Article/index
html)
- Mohd. Rasdan Ahmad (2012) Nak buka stesen TV sendiri Retrieved:
April 23, 2014 ([http://www.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20120923/hi_12/Nak-buka-
stesen-TV-sendiri#ixzz31TPh1QaH](http://www.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20120923/hi_12/Nak-buka-
stesen-TV-sendiri#ixzz31TPh1QaH))
- Mohyin, Z. (2012). Baik Buruk Televisyen. Retrieved: January 4, 2013, From UtusanMalaysia :
<http://www.utusan.com.my>
- Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2011). Hallyu di Malaysia: kajian sosiobudaya.
Jurnal Komunikasi, 27 (2). pp. 203-219. ISSN 0128-1496
- Siti Nursyahhidah Abu Bakar. (2012). Filem: Antara Kualiti dan Kuantiti. Mana Lebih Utama?
Berita Harian.
- Shim, Doboo. (2006). Hybridity and the rise of Korean popular culture in Asia. *Media, Culture
and Society* 28(1), 27-44.

Mohd Daly Daud

Nursyamimi Harun

Md. Rozalafri Johori

Jabatan Komunikasi,

Fakulti Pengurusan dan Muamalah,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

mohddaly@kuis.edu.my

nursyamimi@kuis.edu.my

rozalafri@kuis.edu.my